




WAKTI

KDN. 7890

KELUARAN 12 1987
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDUNGAN

Halaman

1. Laporan Lawatan ke Kampung Lukut, Kota Tinggi, Oleh: Yaakub Ismail	9
2. Rindai Air, Oleh: Yaakub Ismail	36
3. Terompet Peradungan Adat, Oleh: Yaakub Ismail dan Norzali Ibrahim	47
4. Peradungan Adat Mendalam Cincin, Oleh: Norzali bin Hj. Ibrahim	57
5. Diraja Sejarah Tajuk Tegakaya Pusaka Luak	
Karya Bersejarah: 1. Mohd Yusoff, 2. Mohd Said, 3. Ramli B. Ramli, 4. Norhayati	63
6. Adat Berpuak, Oleh: Ismail Abdul Hadi	77
7. Sejarah Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan, Oleh: Mohd Hiza Tahir	84
8. Data Bandar Tenggara, Oleh: Mohd Zamir Hj. Mohd. Ariff	100

SIDANG REDAKSI "WARISAN". JURNAL SEJARAH, PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.



Dari kiri: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK.
Encik Hashim bin Jasa, AMN, PJK.
Puan Hajah Aishah bt. Md. Sharif, PJK.


"Warisan" adalah Jurnal Sejarah tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial dan ekonomi serta poilitiknya.

Pendapat-pendapat dan saranan yang terkandung di dalam artikel yang dimuatkan di dalam Jurnal ke 12 ini, tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

"Warisan" mengalu-alukan sumbangan artikel berbentukl sejarah untuk penerbitan seterusnya. Alamatkanlah artikel tuan-tuan dan puan kepada:

Sidang Redaksi,
Jurnal Warisan,
Persatuan Sejarah Malaysia,
Cawangan Negeri Sembilan,
d/a Jabatan Pendidikan N.S.,
70604 Seremban.


(U.P. Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK).



**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI
ABDUL SAMAD D.S.N.S., P.M.C.**

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.

Telefon: Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN



فجابه منتري بسر
نكري سمبلن

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

KATA-KATA ALUAN

Penerbitan Kali Ke 12 Majalah Warisan membuktikan bahawa majalah berunsurkan sejarah ini mendapat sambutan daripada masyarakat terbanyak.

Ia juga membuktikan kemampuan sidang pengarang menerbitkan majalah yang dipenuhi dengan pengetahuan akademik khususnya mengenai sejarah.

Sehubungan dengan itu, suka saya mempelawa lebih ramai ahli penulis tempatan menyokong ke arah penerbitan majalah ini supaya dapat kita paparkan kepada orang ramai perjalanan sejarah negeri kita. Saya yakin masih banyak lagi unsur-unsur sejarah yang belum diketengahkan.

Oleh itu saya percaya mereka yang berpengetahuan tentang latar belakang sejarah satu-satu kawasan atau mukim di negeri ini akan dapat memberikan kerjasama kepada para penulis untuk dibukukan.

Sekian dan di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan penerbitan Warisan Ke 12 saya ucapkan berbilang terima kasih.

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh

Jurnal Warisan, mutiara kesayangan ahli-ahli sejarah, khasnya ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan terbit lagi menemui tuan-tuan dan puan-puan.

Usaha penerbitannya bukan sahaja membuka era sejarah Negeri Sembilan dalam menyingkap peristiwa-peristiwa yang banyak terpendam bahkan ia juga memberi peluang kepada penulis-penulis yang berminat di bidang sejarah, mengkaji dan menyelidik seterusnya memaparkan kepada umum karya-karya mereka. Hasil karya mereka nanti bukan sahaja menjadi tatapan, tetapi ianya akan menjadi bahan kajian yang penting untuk generasi di hari muka.

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, adalah masyarakat yang kaya dengan adat dan tradisi yang unik, contohnya seperti 'Adat Berpuar' yang ditulis oleh Encik Ismail bin Abdul Hadi, satu-satunya adat yang hampir lenyap ditelan masa. Ada banyak lagi ciri-ciri masyarakat tradisional yang patut diselidiki dan ditulis untuk menjadi warisan budaya negara kita. Penyelidikan melalui lawatan juga harus digalakkan, seperti artikel yang ditulis oleh Encik Yaakub bin Idrus, ianya patut menjadi contoh kepada anak-anak muda kita yang rajin mengembara dan menyelidik. Guru-guru seharusnya melakukan sesuatu yang positif ke arah ini.

Keluaran kali ini juga memuatkan karya hasil dari pertandingan Drama Sejarah antara sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Penulisan Sejarah berbentuk drama mempunyai dua fungsi iaitu sebagai penghantar fakta sejarah di samping ianya merupakan satu karya seni. Pertandingan ini diadakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar berminat dalam disiplin sejarah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, seterusnya 'WARISAN' memerlukan sumbangan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan sejarah bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik-walhidayah.



HASHIM BIN JASA AMN, PJK

Pengarang Kehormat,

Majalah Warisan Ke 12

SENARAI NAMA JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1987

- Yang Di Pertua : Y.A.B. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
- Naib Yang Di Pertua : Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
- Setiausaha Kehormat : Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
- Pen. Setiausaha Kehormat : Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
- Bendahari : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
- Ketua Pengarang : Encik Hashim bin Jasa AMN, PJK.
- Ahli-ahli Jawatankuasa : Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.
: Tuan Haji Sulaiman Samad, PJK.
: Datuk Mohd. Sharif bin Fakeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.
: Encik Zainal Abidin bin Yusuf PPB., PMC.
: Tuan Haji Husain bin Salleh.

ADAT BERPUAR (*)

oleh:

ISMAIL BIN ABDUL HADI

CERDIK pandai memberi pendapat bahawa di mana wujudnya kumpulan manusia, maka di situlah lahir suatu bentuk cara hidup yang diamalkan. Apa jua yang diamalkan oleh kumpulan manusia itu, adalah merupakan suatu keyakinan mutlak mereka dalam memberikan keselesaan dan kesejahteraan bagi mencapai kejayaan. Pendek kata apa pun yang mereka lakukan ada dengan matlamat dan tujuannya. Sebagai hiasan aktiviti yang mereka lakukan itu, ada kalanya dicipta hingga begitu unik dan sangat mengkagumkan. Ia nampak begitu asli dan kepakarannya terserlah dengan kemahiran-kemahirannya yang tinggi. Sebenarnya dalam keadaan itulah mereka menghabiskan waktu seharian bagi mengukir tamaddun diri dan juga bangsa serta negaranya. Dalam tamaddun inilah lahir pelbagai kegiatan dan kegiatan-kegiatan inilah yang akan menjadi bahagian-bahagian budayanya. Yang akhirnya menentukan corak budaya pada keseluruhannya bagi bangsa dan negaranya.

* Kajian dan penceritaan topik ini pengarang tumpukan kepada dua buah mukim di daerah Rembau Selatan, iaitu di Mukim Selemak dan Mukim Gadong, Kota. Tempoh masa yang diambil kira ialah sekitar tahun-tahun 1950an bagi Mukim Gadong, Kota. Penceritaan ini lebih merupakan ingatan dan pengalaman pengarang sendiri di waktu tersebut. Kiranya kurang tepat diminta diperbetulkan.

Sehubungan dengan itu masyarakat Melayu masa lampau sesungguhnya telah melahirkan tamaddunnya tersendiri. Mereka membina cara hidupnya sendiri. Adat dan kebudayaannya sendiri. Tegasnya kita sudah ada pengalaman adat dan budaya sendiri. (Walau di mana masyarakat Melayu itu berada) Adat dan budaya ini adalah pelbagai bidang. Ada yang dapat dilihat dan ada yang tidak. Dalam hal ini begitulah keadaannya yang terdapat di kedua-dua mukim yang disebutkan di atas. Salah satu adat budaya yang dimaksudkan ialah ' ADAT BERPUAR '.

Bagi menampung hidup dan mendapatkan mata pencarian sebagai sumber ekonomi, Adat Berpuar ini adalah mengarah kepada sebahagian kegiatan ekonomi masyarakat Melayu di tempat ini. Adat Berpuar ini mempunyai matlamat ekonomi. Amat berkait rapat dengan kegiatan ekonomi kampung ini, iaitu ekonomi pertanian. Bagi masyarakat Melayu di kedua-dua mukim ini dan beberapa tempat yang lain di sekitarnya, Adat Berpuar ini dikaitkan dengan kegiatan penanaman padi, iaitu merupakan aktiviti pertanian yang utama dalam kehidupan mereka di samping beberapa kegiatan pertanian yang lain secara kecil-kecilan.

Sebenarnya Adat Berpuar ini adalah sejenis adat pemujaan ghaib kepada penjaga atau penunggu ataupun keramat di sesuatu tempat. Melalui upacara pemujaan ini mereka memohon agar supaya aktiviti pertanian padi yang dijalankan itu terpelihara daripada sebarang musuh seperti binatang buas termasuk babi, burung, tikus dan seumpamanya. Di samping itu juga melalui upacara pemujaan ini mereka memohon supaya buah-buah padinya menjadi dan mendapat hasil yang banyak sehingga dapat mengeluarkan zakatnya. Ini bererti semangat padinya tidak lari, mereka mendapat rezeki yang lumayan.

Upacara pemujaan ini dikepalai atau diketuai oleh seorang yang digelar 'TOK PAWANG'. Peranannya amat penting sekali. Segala urusan mengenai upacara pemujaan ini adalah di bawah kuasanya. Tok Pawang menerusi ilmu kepawangannya mengatur beberapa upacara yang meyakinkan bagi memohon kepada Allah S.W.T. supaya pertanian sawah padinya mendapat hasil yang banyak dan terhindar daripada segala bencana. Oleh kerana kepentingan ritual itu masih mendalam di kalangan masyarakat Melayu ketika itu, maka permohonan itu diajukan kepada Allah S.W.T. menerusi kuasa ghaib oleh keramat atau penunggu. Bersesuaian dengan kepercayaan dan fahaman tradisi itu mereka menjalankan upacara-upacara pemujaan disebalik menyerahkan ianya secara langsung kepada Allah S.W.T. Secara jelas atau tidak pemujaan kepercayaan datuk nenek atau animisme itu masih terselit walaupun tidak secara terang-terangan.

Bagi Mukim Selemak ini kedapatan beberapa orang Tok Pawang telah memainkan peranan bagi mengetuai acara pemujaan ini. Mereka merupakan tiga kelompok besar yang menjalankan upacara pemujaan ini secara berasingan. Mereka ialah Tok Pawang Pechok tinggal di Kampung Padang Lebar. Beliau mengepalai kumpulan bagi Kampung Pulau Bintongan, Kampung Batu, Kampung Batu Nunggol, Kampung Padang Lebar, Kampung Perigi Jernih dan sebahagian Kampung Sungai Layang.

Bagi kumpulan kedua diketuai oleh Tok Pawang Gohi iaitu bagi Kampung Selemak, Kampung Selemak Pulau (Pulau Pokong) dan sebahagian daripada Kampung Sungai Layang (bahagian ulu) Sementara kumpulan ketiga diterajui oleh Tok Pawang Haji Md. Shah bagi Kampung Bintongan, Kampung Ulu Bintongan dan Kampung Seberang Pulau.

Sementara itu bagi Mukim Gadong pula, hanya terdapat satu kumpulan sahaja di bawah Tok Pawang Abd. Ghani Nuin (Tok Pawang

Mani). Beliau mengetuai Kampung Ulu Api-Api, Kampung Mungkal, Kampung Batang Nyamur, Kampung Jeram, Kampung Seberang Paya, Kampung Ulu Gadong, Kampung Tanah Datar, Kampung Jawa, Kampung Kota, Kampung Tiga Nenek, Kampung Perah dan Kampung Kendung (termasuk Kampung Seri Kendung).

Tok Pawang sebagai ketua upacara pemujaan itu menjalankan semua aktiviti persemahan. Hal ini disebabkan Tok Pawang mempunyai kewibawaan tentang ilmu mentera atau serapah jampi. Serapah jampi ini hafaz dibaca menerusi bait-bait puisi yang menarik dengan diselitkan dengan kalimah-kalimah Allah S.W.T. Kalimah-kalimah ini bertujuan untuk memperkukuhkan keyakinan sesuai dengan agama yang dianut iaitu Islam. Tok Pawang membaca segala ungkapan itu dengan lancar dan menarik. Cara perlakuannya juga menarik. Kerana itu Tok Pawang mendapat tempat sebagai orang yang dipermuliakan serta disanjung tinggi. Kerana itu kedapatan tidak ada orang yang engkar dengan perintah dan arahan Tok Pawang.

Tok Pawang akan menentukan tarikh dan hari bagi upacara 'membaca doa'. Tempoh ini biasanya sebulan atau selewat-lewatnya dua minggu daripada tarikh 'Pesta Berpuar' itu diadakan. Upacara membaca doa ini dijalankan di suatu kawasan di ulu air, iaitu di ulu sungai. Bagi Tok Pawang Pechok, kawasan ulu airnya ialah di jeram Tanjung Cacar, iaitu sebelah ulu Kampung Pulau Bintongan. Sementara Tok Pawang Gohi ialah di jeram Jambatan Menuang, terletak di jalan menghala ke Kampung Pabai dan Miku. Bagi Tok Pawang Haji Md. Shah pula ialah di jeram Lubok Sungai (Sungai), iaitu di ulu Kampung Ulu Bintongan. Kesemua tempat ini adalah punca air bagi mengalirkan sawah-sawah di kampung-kampung sekitar.

Bagi Tok Pawang Mani, kawasan ulu airnya ialah di ulu Kampung Ulu Api-Api berhampiran dengan Kampung Mungkal, Kota. Daripada anak air inilah pengairan sawah di beberapa kampung di dalam Mukim Gadong.

Upacara 'membaca doa' ini dihadiri oleh setiap keluarga orang Melayu. Mereka memang diminta oleh Tok Pawang supaya menghadirinya. Sekiranya tidak hadir mereka tidak akan dapat menumpang berkat kerja Tok Pawang itu. Setiap keluarga yang pergi adalah diminta untuk membawa makanan sendiri, iaitu terdiri daripada sepinggan nasi dan lauknya sekali. Lauknya tidak kira, apa sahaja boleh dibawa mengikut kemampuan keluarga itu. Biasanya dan kebanyakannya membawa lauk goreng telur dadar atau ikan sawah seperti ikan sembilang, haruan, puyu dan sebagainya. Ikan-ikan ini boleh didapati dari sawah atau lubuk atau 'tambun' yang memang diusahakan oleh setengah-setengah keluarga itu.

Nasi sepinggan dan lauknya itu dibungkus pada sehelai sapu tangan. Bekas-bekas lain tidak digalakkan. Pinggan yang dibawa itu kalau boleh ialah pinggan berwarna putih atau mangkuk sabun. Upacara 'membaca doa' ini dijalankan di sebelah pagi. Orang ramai berduyun-duyun ke kawasan ulu air. Kecil besar, tua, muda, lelaki perempuan turut hadir. Masing-masing penuh yakin dan menyerahkan harapan sepenuhnya kepada Tok Pawang melakukan upacara itu.

Apabila semuanya sudah berkumpul, Tok Pawang memulakan istiadat. Semua 'hulubalang' dipanggil. Hulubalang ini terdiri daripada anak-anak muda belasan tahun daripada 'suku-suku' yang ada di kampung itu. Apabila sudah dipastikan semuanya ada, upacara membaca doa itu dimulakan. Alat kelengkapan 'tepung tawar' mula digunakan. Tok Pawang membaca serapah jampi atau menteranya. Tok Pawang juga membaca ayat-ayat Al Quran dengan memuji Allah S.W.T. Kemudian beliau membaca pula

beberapa jampi bagi tujuan menghalau hantu. Menurut Tok Pawang 'menghalau hantu' ialah satu perlakuan berkompromi dengan hantu-hantu supaya tidak mengganggu tanaman padi pada tahun itu. Lantaran itulah mereka datang membawa anak buah dan mengadakan upacara pemujaan yang dimulakan dengan upacara membaca doa itu. Banyak perlakuan yang dijalankan oleh Tok Pawang. alat-alat keperluannya juga banyak. Antaranya ialah 'tetawak' atau gong, 'canang' (gong kecil berbentuk leper), sehelai kain hitam untuk kerja-kerja 'mengebas', tiga batang pokok puar dan beberapa lagi alat-alat persemahan. Alat-alat ini dibawa oleh juak-juak yang telah dilantik oleh Tok Pawang daripada orang kampung.

Setelah selesai Tok Pawang melakukan kerja-kerja pemujaannya, bacaan doa dijalankan pula oleh beliau. Tok Pawang sendiri membaca doa. Doa ini sepenuhnya dibaca dalam bahasa Arab, iaitu doa-doa biasa yang memang menjadi amalan orang Islam. Semasa membaca doa atau sebelum membaca doa, orang ramai tidak dibenarkan makan. Makan hanya dibolehkan selepas bacaan doa. Setelah selesai membaca doa orang ramai dibenarkan makan bekalan nasi yang dibawa. Tetapi Tok Pawang menasihatkan supaya tidak memakan nasi sendiri. Elok dan digalakkan supaya bertukar makanan dengan orang lain. Jika tidak dikatakan 'lek siku' atau 'balik siku'. Bagi Tok Pawang, beliau boleh memilih mana sahaja pinggan yang disukainya, kerana sebelum itu semua pinggan-pinggan nasi itu diletakkan setempat di kawasan berdoa itu.

Semua yang hadir itu mesti makan. Kalau tidak cukup hendaklah dibahagi-bahagikan dan setidak-tidaknya menjamah bagi mengambil berkat hari berdoa itu. Ketika itu suasana di kawasan itu bagai suatu perkelahan. Tempik sorak dan keriangannya terutama anak-anak muda amat ternyata. Ia merupakan suatu temasya yang ditunggu selain daripada adat 'mandi Safar'. Mereka dibenarkan mandi di mana-mana kawasan jeram itu. Airnya bersih

dan jernih serta sejuk begitulah keadaannya di jeram Kampung Tanjung Cacar.

Setelah selesai makan dan mandi semua orang diminta berkumpul semula untuk suatu lagi upacara, iaitu upacara pemujaan sebelum pulang. Tok Pawang akan membacakan doa dan serapah jampinya sekali lagi. Tok Pawang mengambil tiga batang pokok puar yang telah disediakan untuk upacara membaling. Setelah membaca menteranya, Tok Pawang membalingkan sebatang pokok puar itu ke arah kanan, kemudian sebatang lagi ke sebelah kiri dan yang sebatang lagi dipakai sendiri oleh Tok Pawang sebagai tongkat dalam perjalanan pulang itu. Tetawak dan canang dipalu. Juak-juak mengibarkan bendera atau ular-ular. Tok Pawang melangkah dengan diikuti oleh orang ramai. Tidak seorang pun dibenarkan mendahului perjalanan Tok Pawang itu sehinggalah masing-masing sampai ke rumah.

Upacara 'membaca doa' sudah selesai dijalankan. Selepas daripada itu Tok Pawang telah mengenakan beberapa syarat dan pantang larang kepada penduduk kampung. Antaranya ialah orang ramai tidak boleh bertengkar atau bergaduh, apatah lagi mengeluarkan darah. Binatang-binatang tidak boleh dianiaya dan tidak ada sebarang upacara bacaan doa lagi selepas itu. Selepas itu mereka mengerjakan kegiatan bersawah padi. Satu muafakat diadakan di antara suku atau perut bagi menentukan atau memilih hari bagi diadakan pesta jamu. Hari jamu ini biasanya dilakukan selepas musim menuai selewat-lewatnya dua bulan selepas kerja-kerja menuai sebagai tanda bersyukur. Dalam tempoh pesta jamu itu, setiap hari akan adalah dua atau tiga buah kampung mengadakan pesta jamu. Dan setiap hari itulah Tok Pawang akan mengetuai upacara tersebut. Tempoh ini dikenali juga dengan nama 'Pesta Berpuar'.

PESTA BERPUAR berjalan selama dua minggu. Upacara perlakuannya pada tiap-tiap hari itu adalah sama. Pada hari berkenaan pagi-pagi lagi Tok Pawang bersama dengan juak-juak dan hulubalangnya pergi ke ulu air iaitu tempat 'membaca doa' dahulu. Di sini Tok Pawang akan menjalankan upacara pemujaan dan istiadat ritualnya.

Pesta Berpuar yang dijelaskan ini adalah tertumpu kepada kumpulan yang diketuai oleh Tok Pawang Pechok bagi Kampung Pulau Bintongan, Kampung Batu, Kampung Batu Nunggol, Kampung Padang Lebar, Kampung Perigi Jernih dan sebahagian Kampung Sungai Layang. Ulu airnya ialah di ulu Kampung Tanjung Cacar. Kampung ini sebuah kampung tinggal di mana di bahagian ulunya terdapat sebuah jeram. Berhampiran dengan jeram ini kedapatan sebuah padang kecil. Di kawasan padang inilah Tok Pawang Pechok menjalankan upacaranya.

Pada hari upacara temasya pesta ini orang ramai selain daripada juak-juak, pegawai dan hulubalang tidak dibenarkan menyertai rombongan ini. Begitu juga orang ramai tidak dibenarkan melintasi perjalanan Tok Pawang dan ahli rombongannya sewaktu mereka mula mudik ke hilir. Tok Pawang mempunyai 'daulat' pada hari tersebut, seandainya ada sesiapa melintasi perjalanannya pasti seseorang itu akan menerima padah, antaranya pengsan atau tidak sedarkan diri, sesak nafas dan seumpamanya. Kalau keadaan ini berlaku ibu bapa atau buapak bagi orang tersebut perlu menemui Tok Pawang bagi meminta maaf dan setelah dibayar 'pengeras'nya barulah orang yang terkena 'daulat' itu dipulihkan oleh Tok Pawang.

Di jeram ulu Kampung Tanjung Cacar ini Tok Pawang Pechok melakukan pemujaan dengan membaca doa seperti yang telah dilakukan. Selesai bacaan doa dan perlakuan ritualnya Tok Pawang mengarahkan juak-juak dan pegawai mengambil alat kelengkapan masing-masing. Juak-juak

akan membawa 'ular-ular'. Sementara pegawai lain membawa 'tetawak', seorang lain akan membawa 'canang'. Pembawa tetawak dan canang ini akan memalu atau memukulnya di sepanjang perjalanan. Cara paluannya berlainan dengan paluan untuk majlis keraian yang lain. Sementara itu 'hulubalang' yang sudah berpakaian seragam hitam dengan kepalanya dililit dengan kain hitam disuruh berjalan dahulu, iaitu di hadapan Tok Pawang. Hulubalang ini dipilih oleh Tok Pawang daripada suku-suku yang dua belas. Semua anggota rombongan ini berjalan mudik ke hilir. Sambil berjalan itu mereka berselawat memuji Tuhan sambil bersorak dan gembira. Selepas berselawat mereka juga berpantun. Pantun-pantun ini adalah pantun asli yang popular di kalangan masyarakat terutama yang menyindir dan berseloroh bagi menggelikan hati. Bagi memeriahkan suasana berpantun ini mereka berbalas-balas, terutama tentang pantun kasih sayang. Mereka ini berjalan menuju ke rumah jamu.

Mereka menghilir ini melalui sawah mengikut batas atau permatang atau denai kerbau yang kering. Tok Pawang memakai payung berwarna hitam dengan sebilah keris tersisip di pinggangnya. Rombongan ini tidak akan singgah ke rumah jamu sekiranya beberapa syarat tidak disempurnakan.

Di tempat rumah jamu hendaklah dicacakkan tiang bendera di tengah sawah yang bersejajaran dengan rumah jamu. Bendera ini boleh sebesar mana kainnya asalkan berwarna selain daripada hitam atau putih. Tiang bendera ini biasanya dibuat daripada buluh sahaja. Tujuan bendera ini ialah untuk memberitahu kepada anggota rombongan Tok Pawang bahawa di situ ada rumah jamu. Di tepi sawah menghala ke darat didirikan sebuah bangsal kecil atau pondok kecil iaitu tempat dua orang wakil daripada keluarga yang membuat rumah jamu menunggu dan kemudian menyungsungkan kedatangan rombongan itu. Mereka dikehendaki membawa

'peminangan' iaitu bekas sirih yang lengkap dengan isi dan alat-alat kelengkapannya.

Tugas dua orang yang menunggu itu ialah untuk menangkap salah seorang daripada hulubalang yang datang ini iaitu dengan memintas perjalanan hulubalang itu. Sekiranya kedua orang itu sedia menunggu dan bersedia pula untuk menghalang, maka biasanya hulubalang itu tidak akan membuat kerenah untuk lari. Apabila dapat ditangkap maka setiap seorang hulubalang itu akan diberikan sirih sekapur seorang. Kemudian daripada itu kedua-dua penjemput itu akan membawa pula peminangan itu kepada Tok Pawang dan memberikan sirih sekapur dan begitu juga dengan juak-juak dan pegawainya yang lain.

Tetapi sekiranya sewaktu rombongan Tok Pawang hampir sampai tidak ditunggu oleh dua orang yang dimaksudkan di atas tadi, hulubalang akan merajuk. Mereka akan lari terus mudik ke hilir. Tok Pawang tidak akan berhenti. Semua rombongan akan berjalan terus. Sekiranya keadaan ini berlaku pihak rumah jamu terpaksa dengan apa cara sekali pun mengejar hulubalang itu sehingga dapat ditangkap salah seorang daripada mereka. Kalau dapat ditangkap perlakuannya serupalah seperti yang telah dinyatakan di atas tadi. Sebaliknya kalau tidak dapat ditangkap dan hulubalang itu telah sampai ke satu lagi rumah jamu, maka perayaan bagi rumah jamu itu adalah terbatal. Yang demikian keluarga itu terpaksa mengadakan rumah jamunya pada hari yang lain. Buapak atau ketua di situ akan diminta membayar 'dam' atau denda sejumlah yang telah ditetapkan.

Kalau dalam keadaan terlewat di mana penjemput itu belum bersedia, perlakuannya adalah serupa. Mereka berdua terpaksa melakukan drama 'kejar mengejar'. Hulubalang itu mesti ditangkap. Biasanya penjemput itu terdiri daripada mereka separuh umur. Orang ramai menjadi

ketawa dan terhibur dengan peristiwa kejar mengejar itu. Hulubalang daripada belasan tahun itu sudah pasti kuat dan tangkas berlari. Kedua orang penjemput itu kadang-kadang rebah rempah dibawa berkeliling oleh hulubalang. Namun di antara dua belas orang hulubalang itu ada juga seorang dua yang 'lembik' dan mereka inilah menjadi makanan si penjemput. Mereka ini dapat dihambat. Bila seorang sahaja sudah tertangkap, semuanya akan menyerah. Kemudian seperti biasa Tok Pawang akan mengikut sahaja untuk naik ke darat. Iaitu ke rumah jamu yang disediakan.

Rumah jamu disediakan dengan begitu rupa. Ia diperbuat daripada buluh dan dibentuk menyerupai kapal, rumah, kapal terbang dan seumpamanya dengan cukup menarik. Rumah jamu ini dihias dengan tabir, lelangit, tilam pandak, tikar, katil, tilam dan bantal yang ditekat serta berumbai-umbai. Di bahagian luar dan dalam dihias dengan keindahan seni cipta masing-masing. Seluruh kawasan di dalam rumah jamu itu dibentangi tikar dan ada juga bahagian-bahagiannya dibentangi dengan permaidani.

Setelah Tok Pawang dan ahli rombongannya naik ke darat. Mereka dibawa ke suatu tanah lapang yang dikira 'medan' berhampiran dengan rumah jamu itu untuk menjalankan permainan baling membaling batang keladi. Permainan ini dinamakan 'SEKETO' atau 'BERSEKETO'. Orang penting dalam permainan seketo ini ialah hulubalang sendiri. Setiap hulubalang ada pasangan. Setiap orang hulubalang diberi tiga batang pokok keladi. Setiap batang keladi itu hendaklah dibaling atau di'locot'kan ke belakang kawan pasangan masing-masing bergilir-gilir sekuat hati yang boleh. Hulubalang tidak boleh bermain 'cendekel' atau 'kelong' dengan membuat balingan 'debus' atau tidak mengenai sasaran. Cuma kadang-kadang kedapatan balingan itu 'lemah' kerana mereka tidak lagi tahan terkena pukulan 'menunggak' lantaran itu masing-masing sekadar

membaling dan ambil kena sahaja. Mana-mana hulubalang yang didapati 'cendekel' akan ditegur oleh Tok Pawang dengan mengatakan mereka bukan 'jantan'.

Sesudah acara berseketo ini Tok Pawang dan ahli rombongannya dijemput masuk ke dalam ruang jamu. Iaitu ke suatu tempat khas yang disediakan. Tok Pawang akan duduk bersila di atas tilam pandak. Kemudian bacaan doa akan dijalankan oleh Tok Pawang. Bacaan doa ini adalah bacaan doa tahlil yang biasa. Sesudah berdoa itu, pihak tuan rumah akan menghadiahkan sebuah 'pulut panca' dengan beberapa biji telur yang dihiasi dengan bunga-bunga. Ia dicocokkan pada pulut yang berwarna kuning itu. Biasanya telur itu jumlahnya sampai beratus-ratus biji, namun ianya tidak kurang daripada lima puluh biji.

Setelah diterima pulut panca itu biasanya Tok Pawang akan menyerahkan semula untuk dibelah dan dibahagikan terutama kepada juak-juak, pegawai dan hulubalang serta tetamu luar yang datang. Setelah selesai membahagi-bahagikan pulut dan telur kepada semua ahli rombongan Tok Pawang, barulah dihidangkan nasi dan juadah yang lain. Biasanya berbagai jenis kuih yang disediakan. Setiap keluarga akan membawa satu dulang atau satu 'jambal' nasi dan lauk di samping membawa sejambal kuih-kuih dan air. Dulang atau jambal bagi Tok Pawang mestilah ditutup dengan tudung saji yang dihias indah dengan pelbagai tekatan. Hal ini sebagai adat menghormati 'ketua'.

Sekiranya sudah sepakat, muafakat setuju dengan kesebulatan penduduk kampung itu kadang kala sambutan di rumah jamu itu dibuat dengan lebih besar dan meriah lagi. Mereka akan menyembelih kerbau dan memasaknya di kawasan rumah jamu itu. Apabila sampai ketikanya mereka akan menghidangkan makanan tersebut untuk para tetamu rumah jamu itu.

Selain daripada nasi, kuih dan lauk-pauk yang dihidangkan, terdapat suatu jenis makanan yang seolah-olah wajib diadakan pada pesta jamu ini. Makanan tersebut ialah 'cendul puar'. Cendul ini diperbuat daripada tepung beras. Ulas-ulas cendul puar ini lebih kasar daripada cendul biasa. Cendul puar ini menggunakan ayakan cendul yang diperbuat daripada tempurung. Ayakan tempurung ini diberi lobang-lobang sebesar jari kelengkeng kanak-kanak. Tepung yang sudah sedia diuli itu dimasukkan ke dalam tempurung yang menjadi ayakan itu dengan ditekan supaya tepung akan keluar menerusi lobang-lobang itu dan jatuh ke dalam bekas masakan sama ada kualiti besar atau tin minyak tanah yang sudah dibersihkan. Tepung yang sudah jatuh daripada ayakan tempurung itu tadi dimasak. Ia dicampur dengan gula merah atau gula enau dan santan kelapa. Apabila masak keadaan cendul puar ini agak likat atau lekit tetapi berkuah dengan banyak.

Cendul puar ini akan dihidang selepas makan. Selain daripada hidangan manis kuih-muih, cendul puar ini juga dianggap sebagai pembasuh mulut. Bagi menambahkan lagi keenakan cendul puar ini ianya disediakan pula 'tahi murai' iaitu santan kelapa yang dicampur dengan sedikit garam. Biasanya sudu tidak disediakan semasa memakan cendul puar ini. Yang disediakan sebagai sudu ialah daun kelapa yang dikerat sepanjang sudu.

Selain daripada acara jamuan makan, pihak rumah jamu juga mengadakan pelbagai acara yang lain bagi memeriahkan lagi pesta jamunya. Ada permainan untuk kanak-kanak, orang dewasa dan juga untuk orang tua. Antara acara untuk orang dewasa ialah peraduan memanjat tiang licin. Tiang ini dibuat daripada batang pinang yang telah dilicinkan dengan daun palas atau kertas pasir. Seluruh batang itu dilumuri dengan minyak gris. Batang pinang tersebut ditanamkan terbalik. Pangkalnya di sebelah atas dan hujungnya di sebelah bawah iaitu bahagian yang ditanamkan. Di bahagian atas atau puncaknya diletakkan 'barang sebagai hadiah biasanya sejumlah

wang yang mengikutlah keupayaan pihak tuan rumah. Peraduan ini boleh dilakukan oleh orang perseorangan atau pun kumpulan tiga atau empat orang. Siapa yang berjaya memanjat hingga ke puncaknya bolehlah mengambil hadiah tersebut. Permainan memanjat tiang licin ini sangat menyeronokkan dan menghiburkan. Ini disebabkan orang yang memanjat itu begitu sukar untuk sampai ke puncak. Kadang-kadang baru suku tiang atau pertengahan tiang atau hampir sampai ke puncak, mereka tidak dapat bertahan dan terus menggelunsur hingga ke pangkal bawah. Jika perkara ini terjadi orang ramai akan terbahak-bahak ketawa, kerana yang menggelunsur itu bermacam-macam gaya, ada yang tertiarap dan ada yang terlentang.

Satu jenis permainan lagi yang biasa dijalankan ialah permainan 'memukul gopong'. Si pemukul diberi sebatang kayu atau tongkat. Matanya ditutup dengan kain hitam. Sebelum boleh memukul peserta itu akan dibawa berpusing-pusing dan berjalan dua tiga kali, kemudian barulah dilepaskan. Peserta hendaklah mempunyai daya pengingatan atau pengagakan yang kuat. Dia boleh sahaja memukul 'gopong' (gopong ialah tempurung kelapa yang telah dikeluarkan isi melalui bahagian atas yang telah ditebuk sedikit) yang telah diberi tali dan diikatkan pada suatu kayu setinggi sepencahapan.

Peserta atau si pemukul dijanjikan dengan hadiah sekiranya dapat memukul gopong itu dengan tepat dan pecah. Setiap peserta hanya diberi peluang tiga kali untuk memukulnya kalau kali pertama dan kedua itu tidak mengenai sasaran. Sebaliknya kalau kali pertama itu tepat mengenai sasaran bererti peserta itu sudah berjaya dan diberi pula kepada giliran orang lain. Permainan ini juga menggelikan hati kerana kadang-kadang pukulan peserta itu dibuat dengan ayunan sekuat hati tetapi tidak kena sasaran atau pun 'debus'. Orang ramai akan ketawa melihat keadaan yang menggelikan hati itu. Sekiranya ketiga-tiga kali pukulan itu tidak mengenai gopong itu, maka peluang itu diberikan kepada orang lain pula yang berhajat.

Selain daripada 'seketo' untuk hulubalang, seketo untuk orang dewasa juga dijalankan. Mereka mencari lawan sendiri. Biasanya setelah cabar-mencabar antara satu sama lain. Batang keladi disediakan untuk mereka bertarung iaitu sebanyak tiga kali baling. Acara ini sering mendapat sambutan kerana masing-masing ingin menunjukkan 'jantan'nya. Dalam permainan ini sekadar pertunjukan sahaja, tidak ada dibuat penentuan kalah menangnya. Selepas bermain mereka akan bersalaman semula.

Sementara bagi kanak-kanak disediakan juga permainan untuk mereka. Iaitu permainan menggigit duit syiling yang ditanamkan pada buah betik muda yang dihitamkan dengan jelaga. Buah betik atau papaya muda ini digantung setinggi berdiri atau peserta boleh bertunjit. Peserta bolehlah menggigit duit syiling dengan menggunakan gigi dengan tidak boleh dipegang, kedua belah tangan akan diikat ke belakang dengan kain. Buah betik atau papaya itu diikat dengan tali sentiasa bergerak apabila digigit. Yang melucukan ialah muka peserta akan jadi hitam comot akibat sentuhan jelaga pada buah betik itu. Bagi yang dapat menggigit dan mencabutkan duit syiling itu, maka duit itu menjadi hadiah kepada mereka. Setiap peserta diberi tempoh selam sepuluh minit.

Peserta jamu ini juga dihadiri oleh orang dari kampung lain di sekitar. Mereka mengambil bahagian di dalam apa juga permainan yang disediakan. Apabila selesai beberapa permainan itu Tok Pawang dan ahli rombongannya akan beredar pula ke rumah jamu yang lain. Sebelum bertolak Tok Pawang akan membaca doa, berselawat dan berpantun dengan diikuti sorakan oleh hulubalang. Tetawak dan canang dipalu semula. Ular-ular berkibaran dijulang oleh juak-juak semula turun ke sawah menuju ke hilir. Begitulah keadaan yang dilakukan di dalam pesta berpuar ini. Pada sehari itu kadang-kadang beriangsung tiga atau empat rumah jamu.

Suatu yang istimewa pada hari jamu ini ialah mengenai pakaian yang dipakai. Bagi Tok Pawang tetaplah dengan pakaian hitam sepasangnyanya, bersamping kain pelikat, begitu juga dengan juak-juak dan pegawai. Namun dibolehkan juga memakai pakaian lain, tetapi kain pelikat mesti dijadikan sampingnya, pakaian ini samalah dengan pakaian 'orang pangkal' dalam majlis kenduri kendara. Hulubalang pula memakai hitam sepasang dengan berlilit kepala sebagai tanda pahlawan. Yang lebih meriah lagi ialah pakaian orang ramai. Masing-masing akan mengenakan pakaian yang indah-indah. Perempuan akan memakai barang kemas yang lengkap, bergincu dan berdandan. Bertocang dan bersiput. Keadaannya tidak ubah seperti hariraya atau majlis-majlis yang lain. Pendek kata pada hari yang sehari itu mereka 'memasang badan', memakai apa sahaja yang teringin.

Orang luar yang datang adalah sebagai tetamu. Mereka juga memakai pakaian yang indah. Suatu yang harus dipastikan ialah setiap tamu yang datang itu mesti pula diberi makan dan minum dan yang tidak boleh tidak ialah memakan 'cendul puar' dan sewaktu pulangnya nanti mesti dibekalkan dengan pulut dan telur. Inilah sebagai simbol budi bahasa sebagai buah tangan.

Hari ini pesta berjamu ini sudah tidak wujud lagi. Kepercayaan masyarakat Melayu kepada upacara ritual ini sudah pupus. Teknologi moden telah merobah jauh pemikiran orang Melayu, kerana itu dalam hal bersawah padi ini adat kepercayaan seumpama ini sudah tidak menyelerakan lagi, sudah ketinggalan zaman. Lantaran itu cangkul, tenggala, tajak, bajak kerbau tidak lagi memainkan peranan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu sekali pun di daerah pedalaman. Pesta berpuar sudah tersisih dan hanya tinggal pada namanya sahaja. Namun bagi kawasan Rembau masih merupakan tumpuan pengkaji-pengkaji untuk mengetahui adat resam dan

budaya di suatu zaman dahulu. Sawah padi sudah kering bagai padang menjadi tanah terbiar. Apakah ianya boleh dipulihkan menerusi adat berpuar ini? Entahlah tepuk dada tanya selera!